

ANALISIS UJARAN GURU BAHASA MELAYU
DALAM PENGAJARAN DAN PEMUDAHCARAAN
(PDPC) BERDASARKAN METAFUNGSI
INTERPERSONAL

NORAZIMAH BINTI MOHD NAWI @ MOHD DAUD

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS

2022

ANALISIS UJARAN GURU BAHASA MELAYU DALAM PENGAJARAN DAN
PEMUDAHCARAAN (PDPC) BERDASARKAN
METAFUNGSI INTERPERSONAL

NORAZIMAH BINTI MOHD NAWI @ MOHD DAUD

DISERTASI DIKEMUKAKAN BAGI MEMENUHI SYARAT UNTUK
MEMPEROLEH IJAZAH SARJANA PENDIDIKAN
(MOD PENYELIDIKAN DAN KERJA KURSUS)

FAKULTI BAHASA DAN KOMUNIKASI
UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS

2022



UNIVERSITI
PENDIDIKAN
SULTAN IDRIS

اونيورسيتي فديديقن سلطان ادريس

SULTAN IDRIS EDUCATION UNIVERSITY

Sila tanda (✓)

Kertas Projek

Sarjana Penyelidikan

Sarjana Penyelidikan dan Kerja Kursus

Doktor Falsafah

✓

INSTITUT PENGAJIAN SISWAZAH

PERAKUAN KEASLIAN PENULISAN

Perakuan ini telah dibuat pada 8 Februari 2022

Perakuan pelajar:

Saya, Norazimah binti Mohd Nawawi @ Mohd Daud, No. Matrik M20181000755 dengan ini mengaku bahawa disertasi yang bertajuk Analisis ujaran Bahasa Melayu dalam Pengajaran dan Pemudahcaraan (PdPc) berdasarkan Metafungsi Interpersonal adalah hasil kerja saya sendiri. Saya tidak memplagiat dan apa-apa penggunaan mana-mana hasil kerja yang mengandungi hak cipta telah dilakukan secara urusan yang wajar dan bagi maksud yang dibenarkan dan apa-apa petikan, ekstrak, rujukan atau pengeluaran semula daripada atau kepada mana-mana hasil kerja yang mengandungi hak cipta telah dinyatakan dengan sejasasnya dan secukupnya..

Tandatangan pelajar

Perakuan Penyelia:

Saya Prof. Madya Dr. Norliza binti Jamaluddin dengan ini mengesahkan bahawa hasil kerja pelajar yang bertajuk Analisis Ujaran Guru Bahasa Melayu dalam Pengajaran dan Pemudahcaraan (PdPc) berdasarkan Metafungsi Interpersonal dihasilkan oleh pelajar seperti nama di atas, dan telah diserahkan kepada Institut Pengajian Siswazah bagi memenuhi sebahagian syarat untuk memperoleh Ijazah Sarjana Pendidikan Bahasa Melayu.

30 MAC 2022

Tarikh

Tandatangan Penyelia



SULTAN IDRIS EDUCATION UNIVERSITY
INSTITUT PENGAJIAN SISWAZAH /
INSTITUTE OF GRADUATE STUDIES

**BORANG PENGESAHAN PENYERAHAN TESIS/LAPORAN KERTAS PROJEK
DECLARATION OF THESIS/DISSERTATION/PROJECT PAPER FORM**

Tajuk / Title: ANALISIS UJARAN GURU BAHASA MELAYU DALAM
PENGAJARAN DAN PEMUDAHCARAAN (PDPC)
BERDASARKAN METAFUNGSI INTERPERSONAL

No. Matrik / Matric's No.: M 20181000755

Saya / I: NORAZIMAH BINTI MOHD NAWI @ MOHD DAUD

(Nama pelajar / Student's Name)

Mengaku membenarkan Tesis/Disertasi/Laporan Kertas Projek (Doktor Falsafah/Sarjana)* ini disimpan di Universiti Pendidikan Sultan Idris (Perpustakaan Tuanku Bainun) dengan syarat-syarat kegunaan seperti berikut:-

Acknowledge that Universiti Pendidikan Sultan Idris (Tuanku Bainun Library) reserves the right as follows:-

1. Tesis/Disertasi/Laporan Kertas Projek adalah hak milik UPSI.
The thesis is the property of Universiti Pendidikan Sultan Idris.
2. Perpustakaan Tuanku Bainun dibenarkan membuat salinan untuk tujuan rujukan sahaja.
Tuanku Bainun Library has the right to make copies for the purpose of research only.
3. Perpustakaan dibenarkan membuat salinan Tesis/Disertasi ini sebagai bahan pertukaran antara Institusi Pengajian Tinggi.
The Library has the right to make copies of the thesis for academic exchange.
4. Perpustakaan tidak dibenarkan membuat penjualan salinan Tesis/Disertasi ini bagi kategori **TIDAK TERHAD**.
The library are not allowed to make any profit for 'Open Access' Thesis/Dissestation.
5. Sila tandakan (✓) bagi pilihan kategori di bawah / Please tick (✓) for category below:-

☐ **SULIT/CONFIDENTIAL**

Mengandungi maklumat yang berdarjah keselamatan atau kepentingan Malaysia seperti yang termaktub dalam Akta Rahsia Rasmi 1972. / *Contains confidential information under the Official Secret Act 1972*

☐ **TERHAD/RESTRICTED**

Mengandungi maklumat terhad yang telah ditentukan oleh organisasi/ badan di mana penyelidikan ini dijalankan. / *Contains restricted information as specified by the organization where research was done.*

☒ **TIDAK TERHAD / OPEN ACCESS**

(Tandatangan Pelajar)

(Tandatangan Penyelia & Nama & Cop Rasmi)

Tarikh: 30 MAC 2022

Catatan: Jika Tesis/Disertasi ini **SULIT @ TERHAD**, sila lampirkan surat daripada pihak berkuasa/organisasi berkenaan dengan menyatakan sekali sebab dan tempoh laporan ini perlu dikelaskan sebagai **SULIT** dan **TERHAD**.

Notes: If the thesis is CONFIDENTIAL or RESTRICTED, please attach with the letter from the organization with period and reasons for confidentiality or restriction.



PENGHARGAAN

Anak gadis mencari lokan,
Mencari lokan di hujung jeti,
Sekalung penghargaan daku titipkan,
Tidak terbalas jasa dan bakti.

Alhamdulillah, dengan izin Allah S.W.T, disertasi ini berjaya disiapkan. Titipan penghargaan ini ditujukan khas kepada suami tercinta, Mohd Hanifa bin Mat @ Mat Yusuf kerana menjadi tulang belakang dan sumber kekuatan utama bagi memastikan kembara sarjana ini berjaya ditamatkan. Kepada anakanda tersayang, Az-Zahraa Nur Safiyya, Muhammad El-Zidane Aisy, Az-Zuhaa Nur Milliy dan Az-Zayna Nur Faqeeha, anda menjadi pembakar semangat mami sepanjang pengajian ini. Tidak dilupakan kepada ibu bapa dan mentua yang sentiasa memberi semangat kepada saya. Syukur!



Teristimewa dedikasi ini ditujukan khasnya kepada penyelia yang amat saya kagumi, Profesor Madya Dr. Norliza binti Jamaluddin, setinggi-tinggi penghargaan diucapkan bukan sahaja atas bimbingan, gagasan idea dan sumbangan ilmu yang diberikan, malah kritikan membina juga sehingga disertasi ini dapat disiapkan dengan jayanya. Tentunya, ilmu yang diberikan sukar diperoleh di mana-mana! Juga terima kasih kepada penilai disertasi, Profesor Dr. Abdul Rasid bin Jamian dan Dr. Alizah binti Lambri. Segala bimbingan, dorongan, teguran dan tunjuk ajar yang diberikan akan dijadikan pegangan dan panduan dalam hidup.

Dedikasi penghargaan ini juga ditujukan kepada ‘teman’ sepengajian yang sama-sama mendaki ilmu sepanjang pengajian sarjana ini, iaitu cikgu Zarina Abu Hassan, cikgu Haslinda Abdull Rahman dan cikgu Sharwinthiran A/L Thavarajah. Terima kasih atas kata-kata semangat, luahan, nasihat dan ilmu yang dikongsi. Sememangnya untuk menimba ilmu dalam dunia pascasiswazah ini, perlukan rakan, sahabat, teman untuk kekalkan momentum sebagai pelajar sarjana sehingga berjaya tamat ke destinasi. Jasa kalian amat saya hargai.

Alhamdulillah dan terima kasih semua!

Naik pedati pergi bertapa,
Meredah pepohon jalan beriringan,
Jasa dan bakti tidak dilupa,
Seribu tahun jadi kenangan.



ABSTRAK

Kajian ini bertujuan untuk mengenal pasti jenis ujaran yang dimanfaatkan oleh guru Bahasa Melayu dalam Pengajaran dan Pemudahcaraan (PdPc) berdasarkan pendekatan Metafungsi Interpersonal dalam Teori Sistemik Fungsional Linguistik (SFL) dan diubah suai berdasarkan Tatabahasa Dewan Edisi Ketiga (2014) dan Nahu Melayu Mutakhir Edisi Kelima (2019). Reka bentuk kajian ini ialah kajian kualitatif dengan pendekatan kajian kes, iaitu meneroka secara empirikal fungsi ujaran tiga orang guru Bahasa Melayu secara mendalam dengan menggunakan alat perakam audio, protokol temu bual separa berstruktur dan nota lapangan. Pemilihan peserta kajian ini adalah berdasarkan teknik persampelan bertujuan. Data dianalisis berdasarkan model Interaktif Miles, Huberman & Saldana (2014) dengan kaedah analisis kandungan dan analisis tema. Kesahan dan kebolehppercayaan data ditentukan menerusi semakan ahli dan triangulasi. Kajian ini menunjukkan bahawa guru Bahasa Melayu memanfaatkan empat jenis ayat dalam Pengajaran dan Pemudahcaraan (PdPc), iaitu ayat penyata, ayat tanya, ayat perintah dan ayat seruan semasa berinteraksi dengan murid di dalam kelas. Ayat yang paling dominan yang diujarkan ialah ayat penyata. Pemanfaatan jenis-jenis ayat ini dipengaruhi oleh autoriti guru, perhubungan yang erat serta konteks dan situasi. Kesimpulannya, pemanfaatan jenis ayat yang bervariasi dapat meningkatkan mutu pengajaran guru supaya dapat menarik minat murid, berinteraksi dengan murid dan seterusnya mewujudkan hubungan yang baik dan akrab dengan murid. Implikasi kajian ini diharap memberi sumbangan dari aspek pengetahuan, teori dan empirikal dalam bidang pendidikan, khususnya ujaran guru Bahasa Melayu dan dapat dijadikan panduan kepada pengkaji seterusnya yang ingin mengkaji ujaran guru dari sudut yang berbeza.

Kata Kunci: ujaran guru, jenis ayat, pengajaran dan pemudahcaraan Bahasa Melayu, Teori Sistemik Fungsional Linguistik (SFL), Metafungsi Interpersonal.

MALAY LANGUAGE TEACHERS' UTTERANCE ANALYSIS IN TEACHING AND FACILITATION BASED ON INTERPERSONAL METAFUNCTION

ABSTRACT

This research aims to identify the types of utterances that are utilised by Malay Language teachers in Teaching and Facilitation based on the approach of Interpersonal Metafunction in the Theory of Systemic Functional Linguistics (SFL) and modified by referring to *Tatabahasa Dewan Edisi Ketiga* (2014) and *Nahu Melayu Mutakhir Edisi Kelima* (2019). Qualitative research design focusing on case study was employed to explore the function of utterances by Malay Language teacher empirically and in depth by using audio recorder, semi structured protocol interview and field notes. Research participants are elected based on purposive sampling technique. Data are analysed based on Interactive Model of Miles, Huberman & Saldana (2014) alongside with content analysis and thematic analysis techniques. Validity and reliability of data are determined by peer review and triangulation. The research shows that Malay Language teachers utilised four types of sentences teaching and facilitation, which are declaratives, interrogatives, imperatives and exclamatives while interacting with the students in classroom. The most dominant sentence uttered was declaratives (statements). Utilization of these types of sentence is influenced by teacher's authority, a close relationship as well as context and situations. To conclude, utilization of variety types of sentences increases the quality of teaching as it attracts students' interest, able to create an interaction with students and encourage an intimate relationship with the students. The research is hoped to contribute to the aspect of theoretical and empirical knowledge in the field of education, especially Malay Language teacher's utterances and able to a guidance to future researchers who are interested in researching teachers' utterances from a different perspective.

Keywords: teachers's utterances, types of sentences, Malay Language Teaching and Facilitation, Theory of Systemic Functional Linguistic (SFL), Interpersonal Metafunction.

KANDUNGAN

Muka Surat

PERAKUAN KEASLIAN PENULISAN ii

PENGESAHAN PENYERAHAN TESIS iii

PENGHARGAAN iv

ABSTRAK v

ABSTRACT vi

KANDUNGAN vii

SENARAI JADUAL xiii

SENARAI RAJAH xv

SENARAI SINGKATAN xvi

BAB 1 PENGENALAN 1

1.1 Pendahuluan 1

1.2 Latar Belakang Kajian 1

1.3 Pernyataan Masalah 5

1.3.1 Guru Mendominasi Pertuturan di dalam Bilik Darjah 6

1.3.2 Perbezaan Jenis Ayat yang Dimanfaatkan oleh Guru dalam PdPc 8

1.3.3	Kelompangan Kajian Ujaran Guru berdasarkan Metafungsi Interpersonal dalam Bidang Bahasa Melayu	10
1.4	Objektif	11
1.5	Soalan Kajian	12
1.6	Kerangka Teoretikal Kajian	12
1.7	Batasan Kajian	13
1.8	Kepentingan Kajian	14
1.9	Definisi Operasional	16
1.9.1	Ujaran	16
1.9.2	Guru Bahasa Melayu	17
1.9.3	Pengajaran dan Pemudahcaraan	18
1.9.4	Metafungsi Interpersonal	19
1.10	Rumusan	20

BAB 2 TINJAUAN LITERATUR 21

2.1	Pendahuluan	21
2.2	Sistemik Fungsional Linguistik (SFL)	22
2.3	Metafungsi Bahasa	23
2.4	Metafungi Interpersonal	25
2.5	Jenis Ayat	27
2.5.1	Ayat Penyata (<i>Declarative Mood</i>)	29
2.5.2	Ayat Tanya (<i>Interrogative Mood</i>)	32
2.5.3	Ayat Perintah (<i>Imperative Mood</i>)	34

2.5.4	Ayat Seruan (<i>Exclamatives Mood</i>)	37
2.6	Tinjauan Literatur	39
2.6.1	Kajian Ujaran dan Interaksi Lisan Guru	39
2.6.2	Kajian Metafungsi Interpersonal dalam pelbagai Genre	54
2.7	Rumusan	61
BAB 3	METODOLOGI	63
3.1	Pendahuluan	63
3.2	Reka Bentuk Kajian	63
3.3	Peserta kajian	66
3.4	Lokasi Kajian	69
3.5	Instrumen Kajian	70
3.5.1	Rakaman Audio	70
3.5.2	Protokol Temu bual	72
3.6	Kesahan dan Kebolehpercayaan Kajian	74
3.7	Pengumpulan Data Kajian	77
3.7.1	Data Pemerhatian	78
3.7.2	Data Temu Bual	81
3.8	Kajian Rintis	82
3.9	Prosedur Penganalisan Data	85
3.9.1	Analisis Kandungan	87
3.9.2	Analisis Tema	89

3.10	Kerangka Metodologi	90
3.11	Rumusan	92
BAB 4	DAPATAN KAJIAN	93
4.1	Pendahuluan	93
4.2	Jenis ayat yang dimanfaatkan oleh guru Bahasa Melayu dalam PdPc berdasarkan Metafungsi Interpersonal.	95
4.2.1	Ayat Penyata	99
4.2.1.1	Pernyataan Biasa	101
4.2.1.2	Pentakrifan	102
4.2.2	Ayat Tanya	103
4.2.2.1	Ayat Tanya Terbuka dengan Unsur Kata Tanya	104
4.2.2.2	Ayat Tanya Terbuka tanpa Kata Tanya	108
4.2.2.3	Ayat Tanya Tertutup	111
4.2.3	Ayat Perintah	115
4.2.3.1	Ayat Suruhan	116
4.2.3.2	Ayat Larangan	119
4.2.3.3	Ayat Permintaan	121
4.2.3.4	Ayat Silaan	123
4.2.4	Ayat Seruan	126
4.2.5	Kesimpulan	131
4.3	Apakah jenis ayat yang paling dominan dimanfaatkan oleh guru Bahasa Melayu dalam PdPc?	132

4.3.1	Jenis ayat dominan oleh guru-guru Bahasa Melayu dalam PdPc berdasarkan Metafungsi Interpersonal.	133
4.3.2	Jenis ayat dominan yang dimanfaatkan oleh guru 1 (G1)	134
4.3.3	Jenis ayat dominan yang dimanfaatkan oleh guru 2 (G2)	139
4.3.4	Jenis ayat dominan yang dimanfaatkan oleh guru 3 (G3)	145
4.3.5	Kesimpulan	151
4.4	Apakah faktor-faktor yang menyebabkan guru Bahasa Melayu memanfaatkan jenis ayat tersebut dalam PdPc?	152
4.4.1	Autoriti penutur	153
4.4.2	Perhubungan yang erat	157
4.4.3	Konteks dan Situasi Ujaran	164
4.4.4	Kesimpulan	167

4.5	Rumusan	168
-----	---------	-----

BAB 5 PERBINCANGAN DAN KESIMPULAN 170

5.1	Pendahuluan	170
5.2	Perbincangan	170
5.2.1	Jenis-jenis ayat yang dimanfaatkan oleh guru Bahasa Melayu dalam PdPc berdasarkan Metafungsi Interpersonal.	171
5.2.2	Jenis ayat yang paling dominan yang dimanfaatkan oleh guru Bahasa Melayu dalam PdPc	175
5.2.3	Faktor-Faktor guru memanfaatkan jenis ayat tersebut dalam PdPc	179

5.3	Implikasi Kajian	183
5.3.1	Implikasi Pengetahuan	183
5.3.2	Implikasi Teori	184
5.3.3	Implikasi Empirikal	185
5.4	Cadangan	185
5.4.1	Cadangan kepada guru-guru Bahasa Melayu	186
5.4.2	Cadangan Kajian Lanjutan	187
5.5	Penutup	189
RUJUKAN		190
LAMPIRAN		200

SENARAI JADUAL

No. Jadual	Muka Surat
2.1 Jenis ayat	28
2.2 Ayat Penyata	30
2.3 Pencirian jenis ayat penyata	30
2.4 Penegasan dalam Ayat Penyata	31
2.5 Ayat Tanya dalam Pola bahasa Inggeris	32
2.6 Pencirian Ayat Tanya dalam bahasa Melayu	33
2.7 Contoh Ayat Tanya Tertutup	34
2.8 Jenis Kata Perintah	35
2.9 Contoh Ayat Seruan	38
3.1 Latar belakang peserta kajian guru	69
3.2 Perkaitan antara soalan kajian, alat kajian, pelaksanaan kajian dan penganalisan data	91
4.1 Peranan Ujaran Metafungsi Interpersonal	97
4.2 Jenis ayat yang dimanfaatkan oleh tiga orang guru BM dalam PdPc	134
4.3 Rumusan jenis ayat diujarkan G1	136

4.4	Jenis ayat tanya diujarkan G1	137
4.5	Jenis ayat perintah diujarkan G1	139
4.6	Rumusan jenis ayat diujarkan G2	141
4.7	Jenis ayat tanya diujarkan G2	143
4.8	Jenis ayat perintah diujarkan G2	144
4.9	Rumusan keseluruhan jenis ayat diujarkan G3	147
4.10	Jenis ayat tanya diujarkan G3	1488
4.11	Jenis ayat perintah diujarkan G3	150

SENARAI RAJAH

No. Rajah	Muka Surat
1.1 Kerangka teoretikal kajian analisis ujaran guru Bahasa Melayu dalam Pengajaran dan Pemudahcaraan (PdPc) berdasarkan Metafungsi Interpersonal.	13
2.1 Metafungsi bahasa berdasarkan subsistem, diubah suai daripada Abdulrahman Almurashi (2016)	24
3.1 Analisis data berdasarkan Model Interaktif (Miles M B. Huberman A.M &Saldana J, 2014)	86
4.1 Peratus kekerapan jenis ayat yang dimanfaatkan oleh guru-guru Bahasa Melayu dalam PdPc	133
4.2 Peratus kekerapan jenis ayat yang dimanfaatkan G1 dalam PdPc	135
4.3 Peratus kekerapan jenis ayat yang dimanfaatkan G2 dalam PdPc	140
4.4 Peratus kekerapan jenis ayat yang dimanfaatkan G3 dalam PdPc	146
4.5 Rumusan ujaran guru Bahasa Melayu dalam pengajaran dan pemudahcaraan (PdPc) berdasarkan Metafungsi Interpersonal	169

SENARAI SINGKATAN

KPM Kementerian Pendidikan Malaysia

KSBM Kerangka Standard Bahasa Melayu

PdPc Pengajaran dan Pemudahcaraan

PPPM Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia

RPT Rancangan Pengajaran Tahunan

SFL Sistemik Fungsional Linguistik/ Systemic Functional Linguistics

SENARAI LAMPIRAN

- A1 Protokol Temu Bual Separa Berstruktur
- B1 Surat Lantikan Kesahan Pakar Instrumen
- B2 Surat Kesahan Semakan Instrumen
- C1 Surat Kelulusan daripada Bahagian Perancangan dan Penyelidikan Dasar Pendidikan, KPM
- C2 Surat Kebenaran daripada Jabatan Pelajaran Negeri Pahang (JPNP)

BAB 1

PENGENALAN

1.1 Pendahuluan

Bab ini akan membincangkan maklumat awal tentang kajian yang meliputi subtopik utama seperti latar belakang kajian, permasalahan kajian yang didasari dengan isu semasa dan kajian-kajian lalu, objektif kajian, soalan kajian, kerangka teoretikal kajian, batasan kajian, kepentingan kajian, definisi operasional yang memperinci beberapa istilah penting berkaitan dengan tajuk kajian dan diakhiri dengan bahagian rumusan.

1.2 Latar Belakang Kajian

Komunikasi merupakan salah satu kemahiran yang penting bagi semua manusia. Dengan adanya komunikasi, manusia dapat membina hubungan interpersonal yang dapat menjaga rangkaian sosial antara manusia dan mencapai tujuan dalam



menyampaikan mesej (Abdullah Hassan & Ainon Mohd., 2002; Asmah, 2010; Steve & McMahan, 2015).

Medium dan perantara yang digunakan untuk berkomunikasi ialah bahasa dan bahasalah yang berfungsi dalam menyampaikan maklumat. Penyampaian maklumat ini dimulai oleh manusia dalam bentuk bunyi yang melibatkan penghasilan kata, frasa atau ayat (Norliza Jamaluddin, 2018). Selain sebagai alat komunikasi, bahasa juga dapat mengawal dan mempengaruhi manusia (Asrianti, 2019). Dalam pengertian linguistik, bahasa merupakan sistem lambang yang abstrak yang berfungsi sebagai pengisi fikiran dan perasaan (Asmah Omar, 2010). Untuk mengungkapkan perasaan dan fikiran, bentuk-bentuk bahasa ini akan berubah bersesuaian dengan konteks budaya dan situasi persekitaran pada ketika itu (Dyah Puspitasari, 2020). Sifat bahasa yang fungsional ini menjadikan bahasa sebagai fenomena sosial yang boleh dikaji berdasarkan penggunaannya dalam kehidupan seharian (Wiratno, 2018).

Dalam bidang pendidikan, guru menggunakan pelbagai bentuk bahasa untuk berkomunikasi dengan murid bagi mencapai objektif pembelajaran. Kepentingan komunikasi dengan murid ini dapat memberi peluang kepada murid untuk terlibat secara aktif dalam proses pengajaran (Abdul Rasid Jamian & Hasmah Ismail, 2013). Selain itu, komunikasi berkesan dapat mewujudkan hubungan yang lebih erat dengan guru semasa proses pengajaran selain dapat melibatkan semua murid di dalam kelas untuk berfikir secara kreatif dan kritis (Hammond, 2016). Komunikasi guru ini merupakan salah satu penandaarasan untuk menentukan kualiti seseorang guru. Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) telah memperkenalkan Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia (PPPM) 2013-2025 dalam usaha meningkatkan kualiti guru (KPM, 2017). Bagi guru Bahasa Melayu, aspek kecemerlangan kualiti





guru ini dilihat dalam aspek lisan dan menjadi satu hala tuju dalam Kerangka Standard Bahasa Melayu (KSBM) yang diperkenalkan pada tahun 2018 selaras dengan PPPM (2013-2025). Bahasa Melayu dapat dimartabatkan dengan melahirkan guru yang berkualiti, berketerampilan dan mempunyai keupayaan komunikasi. Oleh itu, keupayaan komunikasi dan kecekapan berbahasa perlu ada pada setiap guru (Mohd Asri Harun, Zulkifley Hamid, & Kartini Abd Wahab, 2016) dan merupakan salah satu aspek kualiti guru yang ditekankan dalam pengajaran (Zulkifli Osman, 2013).

Guru Bahasa Melayu mempunyai peranan yang besar dalam penyampaian ilmu bahasa kerana tiap-tiap bahasa mempunyai peraturan sistem dan struktur (Asmah Omar, 2018). Peraturan-peraturan bahasa ini dapat dilihat melalui pembentukan ayat daripada beberapa perkataan yang mempunyai pola-pola tertentu, yang setiap satunya mempunyai fungsi yang tersendiri (Asmah Omar, 2015). Oleh itu, guru perlu merancang bahasa yang diujarkan kerana setiap perkataan yang membentuk ayat dapat memberi makna yang bertujuan kepada murid (Abdullah Hassan, 2003). Dengan kata lain, pengungkapan fikiran, perasaan dan keinginan guru dalam proses pengajaran dapat diserlahkan melalui penggunaan bahasa yang tepat dan jelas (Juwaeni, 2020; Zanariah Ibrahim, 2018; Zanariah Ibrahim, Maslida Yusof, & Karim Harun, 2017).

Sehubungan dengan itu, setiap bentuk ayat dalam bahasa mempunyai fungsi yang tertentu dan hal ini bermaksud bahasa bersifat fungsional. Bahasa bersifat fungsional merupakan fenomena linguistik yang perlu dilihat berdasarkan fungsinya dalam sesuatu bahasa (Wiratno, 2018; Xiaqing Li, 2019). Bahasa yang bersifat fungsional merupakan salah satu sifat bahasa dalam teori Sistemik Fungsional





Linguistik (SFL). Teori ini sangat menekankan hubungan bahasa dengan konteks yang bertujuan untuk memahami wacana dengan cara meneliti dan menyiasat sesuatu teks atau wacana dalam sesebuah karya (Sinar, 2008). Asas linguistik dalam SFL ini dapat dijadikan alat untuk mengajar dan membantu murid memahami jenis-jenis ujaran yang bermakna dan mengaplikasikannya dalam kehidupan seharian (Meyer, 2018; Swierzbinska & Reimer, 2019).

Oleh itu, teori SFL dimanfaatkan dalam wacana untuk meneroka dan melihat aspek bahasa dalam lisan (ujaran) atau teks (penulisan) yang akhirnya dapat membina hubungan melalui pembentukan makna yang diujarkan atau ditulis. Pembinaan makna ini dicirikan oleh Halliday (1994, 2014) sebagai Metafungsi Bahasa yang terdiri daripada Metafungsi Ideasional, Interpersonal dan Tekstual. Metafungsi Ideasional bermaksud penutur/penulis merepresentasikan pengalaman diri melalui Sistem Transitiviti Bahasa (klausal). Metafungsi Interpersonal pula menginterpretasikan bahasa yang berfungsi alat pertukaran maklumat yang melibatkan interaksi antara penulis/penutur dengan pembaca/pendengar melalui sistem Mod (*Mood*) dan Metafungsi Tekstual melihat bahasa sebagai alat pembentukan teks yang direalisasikan melalui struktur tematik yang terdiri daripada unsur Tema dan Rema (Egins, 2004; Halliday, 1994; Halliday & Matthiessen, 2014; Sinar, 2008; Wiratno, 2018).

Oleh sebab kajian ini melibatkan interaksi dalam bentuk ujaran guru di dalam kelas yang bertujuan mewujudkan hubungan interpersonal antara guru dengan murid, maka kajian ini hanya berfokus kepada Metafungsi Interpersonal sahaja. Hal ini dikatakan demikian kerana Eggin, (1994) menyatakan bahawa bahasa yang digunakan bertujuan untuk membina hubungan dan sikap individu terhadap orang lain. Hal ini



bersesuaian dan berpadanan dengan fungsi bahasa sebagai alat pertukaran maklumat yang dapat membina perhubungan antara penutur dan pendengar. Selain itu, bahasa yang diungkapkan dalam bentuk ayat yang bervariasi dapat membina makna dan fungsi berdasarkan konteks dan situasi dalam fenomena yang dikaji (Sinar, 2008). Eggin (2004) juga membuktikan bahawa Metafungsi Interpersonal juga sesuai diaplikasikan untuk menganalisis ujaran atau percakapan dalam wacana bilik darjah.

Oleh itu, jenis-jenis modus yang diteliti perlu diubah suai kerana setiap bahasa memiliki susunan beberapa kata yang tersendiri berdasarkan pola yang tertentu yang merupakan sistem bagi bahasa tersebut (Norliza Jamaluddin, 2018). Sistem bahasa juga perlu mengikut acuan bahasa masing-masing seperti yang dinyatakan oleh Zainal Abidin Ahmad (2000) atau Za'ba bahawa bahasa Melayu itu sendiri mempunyai aturan bahasa yang khusus dan berbeza dengan bahasa Inggeris. Bertitik tolak dari sini, pengkaji mengkaji fungsi ujaran berdasarkan jenis ayat yang diubah suai berdasarkan Tatabahasa Dewan Edisi Ketiga dan Nahu Melayu Mutakhir Edisi Kelima. Buku Tatabahasa Dewan dan Nahu Melayu Mutakhir dijadikan rujukan utama kerana buku ini merupakan sumber rujukan utama dalam proses pengajaran. Pengkategorian jenis-jenis ayat ini akan diperincikan dalam bab dua.

1.3 Pernyataan Masalah

Isu ujaran guru sentiasa menjadi permasalahan dalam bidang pendidikan kerana pelbagai kajian telah dijalankan berkaitan bahasa sama ada dalam bentuk ujaran atau lakuan bahasa guru. Pernyataan masalah kajian ini diperoleh daripada pengalaman



pengkaji sebagai pendidik dan bersandarkan hasil penulisan kajian-kajian lepas yang merungkaikan isu ujaran guru berdasarkan teori yang pelbagai. Sehubungan dengan itu, pengkaji telah memperoleh beberapa masalah berkaitan dengan ujaran guru dan dikelompokkan seperti berikut:

- i. guru mendominasi pertuturan di dalam bilik darjah.
- ii. perbezaan jenis ayat yang dimanfaatkan oleh guru dalam pengajaran dan pemudahcaraan (PdPc).
- iii. kelompangan kajian ujaran guru berdasarkan Metafungsi Interpersonal dalam bidang bahasa Melayu.

1.3.1 Guru Mendominasi Pertuturan di dalam Bilik Darjah



Proses pengajaran dan pemudahcaraan (PdPc) di sekolah pada pembelajaran abad ke-21 ini mendorong murid lebih aktif dan berkomunikasi dengan baik bagi merangsang mereka berfikir secara kreatif dan kritis serta mengaplikasikan kemahiran berfikir aras tinggi (KBAT). Peranan guru bukan hanya sebagai agen penyampaian ilmu sahaja, malahan bertindak sebagai fasilitator, pembimbing dan pemudah cara kerana PdPc ialah proses murid belajar dan guru mengajar dengan menggunakan pendekatan guru sebagai pemudah cara dan bukan sebagai penyampai semata-mata (Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM), 2017c). Oleh hal yang demikian, murid perlu lebih banyak bertutur dan berkomunikasi dalam proses pembelajaran. Namun begitu, peranan guru dilihat masih dominan kerana hasil kajian para sarjana membuktikan bahawa guru masih lagi mendominasi dalam pertuturan semasa proses pengajaran seperti kajian yang dilakukan oleh Agatha, (2015); Ahmad, Shakir, & Arshad, (2020);





Azhar, Iqbal, & Khan, (2019); Norafidah Noraldin, (2017); Sivaci, (2020); Suri Andriani, (2019); Wang & Han, (2015) sedangkan pembelajaran perlu berpusatkan murid untuk mewujudkan pembelajaran yang aktif (KPM, 2017).

Norafidah Noraldin (2017) dalam dapatan kajiannya mendapati bahawa guru mendominasi pertuturan dalam pengajaran dan pola pengajaran masih berpusatkan guru. Suri Andriani (2019) pula mendapati bahawa guru lebih mendominasi dalam interaksi di dalam bilik darjah dengan mengungkapkan ujaran sebanyak 142 ujaran (77.17%) berbanding murid yang hanya menuturkan 42 ujaran (22.83%). Azhar et al., (2019) dalam kajiannya terhadap guru yang mengajar Bahasa Inggeris sebagai bahasa kedua di negara Pakistan menunjukkan bahawa guru mendominasi pertuturan sebanyak 65%. Dalam dapatan kajian yang dilakukan oleh Ahmad et al., (2020) pula, masa guru bertutur di dalam bilik darjah sebanyak 80.1% manakala masa murid hanya bertutur sebanyak 19.90%. Sivaci (2020) pula mendapati bahawa sebanyak 62% masa digunakan untuk guru bertutur manakala murid pula bertutur sebanyak 29% sahaja. Penonjolan peranan guru ini menyebabkan murid menjadi pasif dan tidak berlakunya komunikasi yang efektif dalam wacana bilik darjah. Komunikasi yang tidak efektif ini akan memberi impak yang negatif terhadap kemenjadian murid. Murid tidak berminat untuk belajar dan tidak bermotivasi dalam proses pengajaran (Fernandes, 2019). Selain itu, guru banyak mendominasi ujaran dengan mempelbagaikan bentuk bahasa untuk menyampaikan isi kandungan berdasarkan situasi dan konteks ujaran yang mempunyai fungsi dan makna.

Oleh hal yang demikian, kajian mengenai jenis ujaran guru penting untuk diteliti dan dilaksanakan (Qana'ah Nuryan Arif, M. Zaim, & Refnaldi, 2019). Oleh sebab guru menguasai sebahagian besar semasa proses pengajaran berlangsung, hal





ini menjadikan peranan guru lebih dominan di dalam kelas (Eggins, 1994). Oleh hal yang demikian, kajian ini mengenal pasti jenis-jenis ayat dalam ujaran guru berdasarkan pendekatan Metafungsi Interpersonal dan mengenal pasti jenis ayat yang paling dominan dan perkara ini merupakan antara objektif dalam kajian ini.

1.3.2 Perbezaan Jenis Ayat yang Dimanfaatkan oleh Guru dalam PdPc

Masalah yang dikenal pasti juga ialah perbezaan jenis ayat yang dimanfaatkan oleh guru semasa proses PdPc. Ayat-ayat yang dituturkan oleh guru adalah pelbagai (Dyah Puspitasari, 2020) yang bertujuan untuk mencapai objektif pembelajaran. Selain itu, guru memanfaatkan pelbagai jenis ayat bagi mencapai maksud dan matlamat yang ingin dicapai, contohnya untuk menerangkan sesuatu, guru menggunakan ayat penyata. Ayat perintah pula diaplikasikan apabila guru menyuruh murid melakukan sesuatu tugas, ayat tanya untuk menanyakan soalan dan ayat seruan pula menggambarkan perasaan guru semasa interaksi lisan berlaku. Bentuk dan jenis ayat ini akan berubah apabila tujuan interaksi pengguna bahasa berubah dan pilihannya bergantung pada jenis-jenis ayat yang sesuai (Ghazali Lateh & Shamsudin Othman, 2014). Kepelbagaian ayat dalam ujaran guru ini harus disesuaikan berdasarkan konteks, topik perbincangan, hubungan sosial agar dapat mempengaruhi murid (Ardianto, 2016; Neneng Wahyuni, 2019) dan bukannya menggunakan ayat tertentu sahaja dalam pengajaran. Oleh itu, guru perlu mengujarkan ayat yang bervariasi dalam apa-apa jua situasi bagi menggalakkan murid berfikir dan menggerakkan murid melakukan sesuatu tugas (Thwaite, Jones, & Simpson, 2020).





Selain itu, terdapat dapatan kajian yang berbeza mengenai jenis ayat yang dominan dalam ujaran guru. Kajian daripada Agatha (2015) dan Chairunnisa (2020) mendapati bahawa guru lebih dominan memanfaatkan ayat penyata dalam bentuk pernyataan di dalam kelas, manakala kajian yang dilaksanakan oleh Zanariah et al. (2017), didapati bahawa guru mengujarkan ayat perintah. Namun begitu, dapatan kajian daripada Suri Andriani (2019) mendapati bahawa guru lebih dominan menggunakan ayat tanya dalam proses pengajaran. Hal ini bermakna guru-guru memanfaatkan pelbagai jenis ayat semasa proses PdPc berlangsung. Kepelbagaian ayat ini adalah disebabkan fungsi dan makna bahasa itu sendiri serta cara individu berkomunikasi dengan orang lain berbeza bergantung pada situasi dan persekitaran ketika itu (Ngazizah, 2017; Permatasari, 2019).

Di samping itu, terdapat juga guru yang kurang efektif dalam menggunakan perkataan dan ayat yang menepati konteks ujaran di dalam bilik darjah. Hal ini akan menyebabkan berlakunya kesalahfahaman dalam kalangan murid kerana murid tidak dapat memahami apa-apa yang ingin dihasratkan oleh guru (Neneng Wahyuni, 2019). Tambahan pula, kajian daripada Kavish Jawahar dan Edith R. Dempster (2015), mendapati bahawa guru Sains Fizikal di Afrika Selatan tidak menggunakan bahasa mengikut konteks dan situasi semasa mereka mengajar. Berdasarkan pernyataan masalah yang diutarakan, ini menunjukkan bahawa guru perlu memanfaatkan ayat yang berlainan dan bersesuaian dengan situasi pembelajaran untuk menarik minat murid dalam proses pengajaran. Oleh hal yang demikian, aspek kepelbagaian ayat yang bermakna dan fungsional ini mendorong pengkaji untuk mengenal pasti jenis-jenis ayat yang dominan yang diujarkan oleh guru. Selain itu, faktor-faktor guru





memanfaatkan jenis ayat yang dimanfaatkan tersebut juga akan diteliti dan merupakan salah satu objektif kajian ini.

1.3.3 Kelompangan Kajian Ujaran Guru berdasarkan Metafungsi Interpersonal dalam Bidang Bahasa Melayu

Berdasarkan pembacaan terhadap kajian-kajian lalu, banyak kajian telah dilaksanakan berkaitan ujaran dan interaksi lisan guru. Namun begitu, kajian-kajian yang dilaksanakan berfokus pada strategi, teknik interaksi, lokusi ujaran dan tindak tutur guru dari aspek pragmatik, sosiolinguistik dan juga semantik. Selain itu, kajian ujaran guru lebih berfokus pada lakuan bahasa seperti direktif, ekspresif, prohibitif dan perintah. Antara pengkaji yang melaksanakan interaksi lisan dan ujaran guru dalam pengajaran bahasa Melayu ialah Abdul Rasid Jamian, Shamsudin Othman, & Sufiza Ishak (2013); Farah Nur A.Hamid & Maslida Yusof (2015); Masni Jamin, Melor Fauzita Md. Yusoff, & Mashetoh Abd. Mutalib (2020); Muhammad Zuhair Zainal (2017); Zanariah Ibrahim, Maslida Yusof, & Karim Harun (2017); Zanariah Ibrahim, (2018); Zarien Nurlieyana Aminuddin, Azhar Md. Sabil, & Abdul Rasid Jamian (2020). Namun begitu, kajian-kajian ini lebih berfokus pada lakuan ilokusi, bahasa direktif, strategi dan teknik interaksi dan bahasa fatis guru Bahasa Melayu. Kajian berkaitan Metafungsi Interpersonal pula telah banyak dikaji di luar negara seperti kajian yang dilakukan oleh Alemina Br Perangin-angin & Sibarani (2018); Hadiani (2019); Koussouhon & Dossoumou (2015); O'Hallaron, Palincsar, & Schleppegrell (2015); Troyan, Sembiante, & King (2019); Xiaoting (2016); Xiaqing Li (2019); Yang (2017). Kajian-kajian ini mengaplikasikan teori SFL dalam wacana bilik darjah, media sosial, teks ucapan politik, penulisan murid dan interaksi keluarga. Oleh itu,



kelompangan kajian sedia ada mendorong pengkaji untuk melaksanakan kajian ini kerana kurangnya kajian ujaran guru berdasarkan Metafungsi Interpersonal terutamanya dalam ujaran guru Bahasa Melayu.

Kesimpulannya, berdasarkan perbincangan di atas, jelaslah bahawa kajian analisis ujaran guru Bahasa Melayu dalam PdPc berdasarkan Metafungsi Interpersonal perlu dilakukan bagi menampung kekurangan, kelompangan dan melengkapkan kajian dalam genre dan bidang yang berbeza. Justeru, kajian ini mengkaji ujaran guru Bahasa Melayu dalam PdPc berdasarkan Metafungsi Interpersonal.

1.4 Objektif

Kajian ini dilaksanakan bertujuan untuk:


- i. Menenal pasti jenis ayat yang dimanfaatkan oleh guru Bahasa Melayu dalam pengajaran dan pemudahcaraan (PdPc) berdasarkan Metafungsi Interpersonal.
- ii. Menganalisis jenis ayat yang paling dominan yang dimanfaatkan oleh guru Bahasa Melayu dalam pengajaran dan pemudahcaraan (PdPc) berdasarkan Metafungsi Interpersonal.
- iii. Meneroka faktor-faktor guru Bahasa Melayu memanfaatkan jenis ayat tersebut dalam pengajaran dan pemudahcaraan (PdPc).

1.5 Soalan Kajian

Kajian ini diharapkan dapat menjawab tiga persoalan kajian, seperti yang berikut:

- i. Apakah jenis ayat yang dimanfaatkan oleh guru Bahasa Melayu dalam pengajaran dan pemudahcaraan (PdPc) berdasarkan Metafungsi Interpersonal?
- ii. Apakah jenis ayat yang paling dominan dimanfaatkan oleh guru Bahasa Melayu dalam pengajaran dan pemudahcaraan (PdPc) berdasarkan Metafungsi Interpersonal?
- iii. Apakah faktor-faktor yang menyebabkan guru Bahasa Melayu memanfaatkan jenis ayat tersebut dalam pengajaran dan pemudahcaraan (PdPc)?

Fokus kajian ini ialah untuk menganalisis jenis ayat (*type mood*) dalam Metafungsi Interpersonal yang dimanfaatkan oleh guru Bahasa Melayu dalam proses PdPc. Oleh itu, kerangka teori daripada teori Sistemik Fungsional Linguistik (SFL) daripada M.A.K Halliday yang diaplikasikan dalam ujaran guru di dalam bilik darjah dijadikan landasan asas bagi mencapai objektif dan persoalan kajian ini. Kerangka teori ini diilustrasikan dalam **Rajah 1.1** seperti berikut:



Rajah 1.1. Kerangka teoretikal kajian analisis ujaran guru Bahasa Melayu dalam Pengajaran dan Pemudahcaraan (PdPc) berdasarkan Metafungsi Interpersonal.

1.7 Batasan Kajian

Kajian yang dilakukan ini mempunyai beberapa batasan dan menghadkan hasil dapatan seperti:

- i. Kajian ini adalah reka bentuk kualitatif, iaitu menganalisis ujaran guru Bahasa Melayu dalam bentuk ujaran semasa proses pengajaran dalam wacana bilik darjah dengan menggunakan teknik rakaman perbualan. Oleh itu, hanya ujaran guru sahaja yang diteliti dan dianalisis. Kajian ini tidak mengambil kira ujaran murid di dalam bilik darjah.

- ii. Kajian ini hanya membataskan kepada tiga orang guru Bahasa Melayu sahaja di salah sebuah sekolah di Daerah Pekan, Pahang dan peserta kajian telah dikenal pasti berdasarkan keperluan pengkaji.
- iii. Kajian ini ialah kajian analisis deskriptif, iaitu mengenal pasti pemanfaatan Metafungsi Interpersonal dalam kalangan guru Bahasa Melayu. Walaupun terdapat tiga fungsi dalam Metafungsi Bahasa (Ideasional, Interpersonal, Tekstual), pengkaji hanyalah melihat dari aspek Metafungsi Interpersonal sahaja dan lebih berfokus kepada jenis ayat dalam kajian yang dijalankan.
- iv. Data kajian ini tidak menghadkan guru untuk mengaplikasikan semua pengajaran bahasa semasa proses PdPc, tetapi pengajaran guru perlu berpandukan Rancangan Pengajaran Tahunan (RPT).
- v. Data kajian ini juga adalah daripada temu bual separa berstruktur guru-guru untuk mengenal pasti faktor-faktor Metafungsi Interpersonal yang diujarkan di dalam kelas dan hanya melibatkan konstruk dalam Metafungsi Interpersonal tersebut. Oleh itu, hanya guru-guru yang dipilih sahaja terlibat dalam temu bual separa berstruktur ini.

Oleh itu, segala maklumat dan data yang diperoleh dalam kajian ini tidak boleh digeneralisasikan kepada semua guru Bahasa Melayu dan sekolah di Malaysia.

1.8 Kepentingan Kajian

Kajian ini merupakan satu tindakan dan usaha yang dilakukan untuk menganalisis ujaran guru Bahasa Melayu dalam PdPc di dalam bilik darjah dengan memanfaatkan



Metafungsi Interpersonal berdasarkan jenis ayat bahasa Melayu. Sehubungan dengan itu, tujuan utama kajian ini adalah untuk meneroka jenis ayat dan bahasa sebagai alat komunikasi dalam ujaran guru semasa proses PdPc berlangsung di dalam bilik darjah berserta faktor-faktor pemanfaatan ayat tersebut. Hasil kajian ini secara khususnya diharapkan dapat memberi manfaat kepada pihak-pihak tertentu terutamanya pihak-pihak yang berkepentingan dalam dunia pendidikan.

Hasil kajian yang diperoleh diharapkan dapat dijadikan sebagai panduan dan bahan rujukan penting kepada guru Bahasa Melayu sama ada kepada guru-guru baharu atau guru novis, guru pelatih, guru sandaran, guru interim serta guru-guru yang berpengalaman di sekolah. Hal ini dikatakan demikian kerana dapatan kajian ini dapat merungkai jenis ayat yang paling kerap dimanfaatkan oleh guru Bahasa Melayu bergantung kepada situasi dalam kelas semasa PdPc berlangsung. Penggunaan kepelbagaian ayat sama ada ayat penyata, ayat perintah, ayat tanya dan ayat seruan sememangnya mempunyai fungsi yang tersendiri berdasarkan konteks dan situasi semasa pengajaran. Fungsi-fungsi ujaran dan jenis ayat ini dapat dijadikan panduan dalam kalangan guru Bahasa Melayu untuk mempraktikkannya di dalam bilik darjah supaya hubungan interpersonal antara guru dan murid akan berterusan dan berkekalan bagi mewujudkan iklim yang harmoni dalam wacana bilik darjah.

Di samping itu, hasil kajian ini juga dapat membantu guru-guru Bahasa Melayu dalam merancang strategi berkomunikasi dan berinteraksi dengan murid di dalam bilik darjah. Guru perlu memanfaatkan jenis ayat berdasarkan fungsi tertentu mengikut pembelajaran terbeza murid-murid semasa proses PdPc. Selain itu, ilmu asas linguistik dalam teori SFL ini dapat dimanfaatkan oleh guru untuk menarik minat murid memahami dan memberi maklum balas dalam pengajaran seterusnya dapat



meningkatkan interaksi dua hala. Oleh itu, hasil kajian ini dapat memberi impak yang positif terhadap guru Bahasa Melayu dalam kemenjadian murid di sekolah.

Hasil kajian ini juga diharapkan dapat menjadi asas kepada para penyelidik lain untuk mendapatkan maklumat dan bahan bagi meneruskan kajian dalam bidang dan genre yang sama. Pengkaji lain boleh mempelbagaikan kaedah, reka bentuk kajian, instrumen dan teknik persampelan serta sampel kajian untuk melihat kajian dalam aspek yang berbeza. Oleh itu, segala kelompangan yang mungkin wujud dalam kajian ini boleh dikaji untuk kajian yang selanjutnya bagi mendapatkan hasil kajian yang padu dan menyeluruh.

1.9 Definisi Operasional

Istilah-istilah yang menjadi dasar dan landasan kajian ini akan dijelaskan dan diperincikan sebagai maklumat yang beroperasi dalam kajian ini, seperti yang berikut:

1.9.1 Ujaran

Menurut Asmah Omar (2015, ms. 225) ujaran ialah ‘butir-butir yang keluar daripada mulut apabila seseorang berkomunikasi dengan orang lain’. Menurut Aminnudin dan Zaitul Azma (2016) ujaran ialah satu bentuk bahasa yang dituturkan oleh seseorang penutur sama ada dalam bentuk kata, perkataan, frasa, ayat atau jujukan ayat dalam sesuatu peristiwa atau situasi. Menurut Norliza Jamaluddin (2018), ujaran ialah

bentuk bahasa yang dilafazkan dan diujarkan dan dikenali sebagai perlakuan bahasa. Selain itu, Dede dan Muhammad (2019) mendefinisikan ujaran sebagai satu bentuk bahasa sebagai medium untuk menyampaikan idea, pendapat, cadangan yang diujarkan secara lisan.

Dalam konteks kajian ini, ujaran bermaksud kata, perkataan, frasa, klausa atau ayat yang diungkapkan secara lisan oleh guru Bahasa Melayu semasa proses PdPc berlangsung di dalam bilik darjah dalam bentuk ayat penyata, ayat tanya, ayat perintah dan ayat seruan yang mempunyai makna dan fungsi berdasarkan konteks perbualan pada ketika itu. Oleh itu, jenis-jenis ayat secara lisan yang diujarkan oleh guru Bahasa Melayu dioperasionalisasikan dalam konteks kajian pengkaji.

1.9.2 Guru Bahasa Melayu

Guru Bahasa Melayu memerlukan ilmu dalam bidang kebahasaan selain daripada mempunyai keyakinan mengajar dan sikap positif sewaktu mengajarkan pelbagai kemahiran seperti kemahiran lisan, membaca, menulis, dan menaakul daripada pelbagai jenis genre, estetika, nilai, tatabahasa dan elemen sastera (Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM), 2017b). Selain itu, Marzni Mohamed Mokhtar, Rohizani Yaakub, & Fadzilah Amzah (2018) memberi definisi guru Bahasa Melayu sebagai pendidik yang perlu menguasai pengetahuan pedagogi, pengetahuan kandungan, menyediakan persekitaran pembelajaran yang kondusif dan memupuk semangat cinta akan bahasa Melayu.



Berdasarkan konteks kajian ini, guru Bahasa Melayu ialah pendidik yang mempunyai ijazah Sarjana Muda Pendidikan/ Pengajian Bahasa Melayu dari mana-mana institusi pengajian awam di Malaysia, yang telah berkhidmat lebih daripada lima tahun, mempunyai pengetahuan pedagogi dan kecekapan dalam kemahiran berbahasa dalam pengajaran. Oleh itu, guru Bahasa Melayu yang memenuhi keperluan pengkaji dioperasionalisasikan dalam konteks kajian ini.

1.9.3 Pengajaran dan Pemudahcaraan

Pengajaran merupakan aktiviti professional untuk menyampaikan maklumat yang dilakukan oleh mereka yang prihatin terhadap dunia pendidikan (Reigeluth, 2014).

Menurut Noor Hisham Md Nawi (2011), pengajaran ialah sesuatu tugas dan aktiviti yang diusahakan antara guru dan muridnya yang melibatkan enam komponen asas iaitu guru, murid, kandungan, kaedah, tujuan, hasil dan penilaian. Pemudahcaraan pula bermaksud guru berperanan sebagai pemudah cara dalam proses pengajaran yang berkesan untuk memperkembang potensi murid secara menyeluruh dan meningkatkan pencapaian murid secara optimum dan berterusan (Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM), 2017b). Pemudahcaraan melibatkan proses perubahan tingkah laku murid akibat tindak balas terhadap keadaan atau persekitaran di dalam bilik darjah dengan menggunakan alat berfikir dan teknik penyoalan (Marzni Mohamed Mokhtar, 2018).

Oleh itu, pengajaran dan pemudahcaraan (PdPc) dalam konteks kajian ini merupakan proses penyampaian ilmu dan pertukaran maklumat antara guru Bahasa Melayu dan murid melalui jenis ayat yang diujarkan di dalam bilik darjah. Guru juga





bertindak sebagai pemudah cara bagi mencungkil potensi murid melalui rangsangan jenis ayat yang dimanfaatkan oleh guru sewaktu proses pengajaran. Oleh hal yang demikian, istilah pengajaran dan pemudahcaraan (PdPc) dioperasionalisasikan dalam konteks kajian ini.

1.9.4 Metafungsi Interpersonal

Halliday (1994) mendefinisikan Metafungsi Interpersonal sebagai interaksi antara penutur/penulis dengan pendengar/pembaca yang mempunyai unsur perasaan dan dapat membentuk hubungan sosial antara mereka serta merepresentasikan peranan sosial dalam mengubah dan membina hubungan interpersonal sebagai proses pertukaran maklumat dan penyampaian makna, manakala menurut Sinar (2008), Metafungsi Interpersonal ialah merepresentasi bahasa yang berfungsi untuk bertukar-tukar maklumat yang dikenali sebagai ‘bahasa sebagai kegiatan’ yang bertujuan untuk menjaga hubungan antara dua pihak antara penutur/penulis dengan pendengar/pembaca. Metafungsi Interpersonal direalisasikan oleh peranan individu sebagai pelibat (*tenor*) dalam fungsi ujaran dengan memanfaatkan jenis-jenis modus, iaitu jenis ayat seperti Modus Tunjukan/ Indikatif, Modus Pertanyaan/ Interogatif dan Modus Perintah/ Imperatif.

Oleh hal yang demikian, Metafungsi Interpersonal yang dioperasionalisasikan dalam kajian ini ialah jenis ayat yang terdiri daripada ayat penyata, ayat tanya, ayat perintah dan ayat seruan yang diujarkan oleh guru Bahasa Melayu dalam pengajarannya untuk membina hubungan baik antara guru dengan murid. Setiap





kategori ayat yang dianalisis ini diubah suai seperti yang terkandung dalam tatabahasa pegangan, iaitu Tatabahasa Dewan Edisi Ketiga dan Nahu Melayu Mutakhir Edisi Kelima.

1.10 Rumusan

Dalam bab ini, pengkaji telah menghuraikan latar belakang dan konsep asas ujaran guru dalam pendidikan, terutamanya dalam bentuk bahasa di dalam bilik darjah. Dalam pernyataan masalah, diuraikan masalah yang telah dikenal pasti berdasarkan pengalaman pengkaji sebagai pendidik dan pembacaan terhadap kajian-kajian lepas tentang isu ujaran guru. Seterusnya, objektif dan persoalan kajian dapat dibina berdasarkan permasalahan kajian ini. Selain itu, pengkaji juga menjelaskan definisi operasional berdasarkan kata kunci dalam tajuk kajian ini. Hasil dapatan kajian ini memberi manfaat kepada pelbagai pihak dalam bidang pendidikan kerana pengkaji menghadkan batasan kajian kepada beberapa aspek sahaja supaya dapat dikaji dengan lebih mendalam. Oleh itu, dalam bab satu ini, pengkaji telah memperinci elemen-elemen penting tentang tajuk kajian yang dapat memandu pengkaji dalam mencapai tujuan kajian, iaitu untuk menganalisis ujaran guru Bahasa Melayu dalam PdPc berdasarkan Metafungsi Interpersonal. Jenis-jenis ayat dalam Metafungsi Interpersonal akan dibincangkan dalam bab dua.

